

• Untuk tumpu politik • Enggan jejakkan pemegang saham – Khairy ‘Kenapa saya jual’

UM-14/8/2006

Oleh ROZILAN SALLEH dan ARSHAD KHAN

KUANTAN 13 Ogos – Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin menjelaskan, beliau dengan rela hati menjual 10.2 juta sahamnya dalam ECM Libra Avenue Bhd., untuk memberi tumpuan seratus peratus kepada politik dan tidak mahu syarikat dan pemegang saham lain terjejas berikutan kontroversi yang melandanya.

Beliau berkata, walaupun menanggung kerugian hampir RM200,000 namun beliau berbangga kerana menjual saham berkenaan kepada sebuah syarikat yang terlibat dalam industri kewangan yang dikuasai usahawan Melayu.

Menurut Khairy, proses penjualan saham miliknya dalam ECM Libra Avenue Bhd., telah lama difikirkan dan beliau pernah menerima tawaran lebih tinggi tetapi terpaksa ditolak kerana mahu memastikan saham itu hanya dibeli oleh bumiputera yang tiada kaitan dengan kerajaan, di samping tidak berlaku ketirisan.

“Saya nak pastikan tiada ketirisan berlaku di mana saham yang dipegang oleh orang Melayu itu seelok-eloknya pergi kepada syarikat yang dikuasai orang Melayu,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri UMNO Bahagian Paya Besar, di sini hari ini.

Khairy mengulas keputusannya menjual semua sahamnya berjumlah 10.2 juta yang mewakili 1.23 peratus kepentingan dalam ECM Libra, sebuah syarikat pelaburan dan broker saham, semalam.

Beliau menjual bahagiannya pada harga 65 sen sesaham kepada Hikkaya Jaya Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat Amcorp Group Bhd. setelah membelinya pada harga 71 sen sesaham pada Disember tahun lepas.

Khairy berkata, antara yang pernah menawarkan untuk membeli saham pada kadar lebih tinggi ialah sebuah syarikat milik kerajaan tetapi ditolak kerana tidak mahu dirinya dilihat menerima *bail out kerajaan*.

“Selain itu, ada syarikat antarabangsa yang

■ Lihat muka 4

Sambungan dari muka 1

‘Kenapa saya jual’

hendak beli tetapi saya tolak kerana itu adalah ketirisan dan ada juga seorang tauke Cina yang kaya-raya turut membuat tawaran menarik yang sekali lagi saya tolak kerana mahu saham saya dibeli oleh syarikat bumiputera sahaja,” katanya.

Sehubungan itu, katanya, apabila Hikkaya Jaya Sdn. Bhd., menawarkan untuk membeli pada kadar 65 sen sesaham, beliau bersetuju untuk menjual walaupun tahu akan menanggung kerugian.

Beliau berkata, tindakannya menjual saham itu juga bagi memastikan syarikat pelaburan dan broker pemegang saham itu tidak turut terjejas dengan kontroversi yang melanda dirinya.

Khairy menegaskan, adalah tidak adil kepada para pemegang saham lain yang mungkin akan turut mengalami kerugian jika ECM Libra Avenue Bhd. terjejas akibat kontroversi melibatkan dirinya sedangkan beliau hanya memegang saham minoriti sebanyak 1.23 peratus sahaja.

Khairy berkata, beliau sanggup mengorbankan diri dan tidak mahu melihat banyak pihak lain terjejas hanya kerana tuduhan-tuduhan tidak berasas yang dilemparkan kepadanya.

“Saya tidak dipaksa atau ditekan oleh mana-mana pihak untuk menjual saham-saham itu, ini keputusan peribadi saya,” katanya.

Khairy berkata, reputasi adalah sesuatu yang amat penting bagi syarikat pelaburan seperti ECM Libra Avenue Bhd. untuk berjaya dan kehadirannya untuk lebih lama lagi mampu merosakkan nama baik syarikat berkenaan.

“Saya tidak mahu pemegang-pemegang saham yang lain terjejas kerana apa yang dihadapi oleh saya. Itu tidak adil kepada pemegang-pemegang saham,” katanya.

Beliau menjelaskan, penjualan itu tiada kaitan dengan proses penggabungan ECM Libra Bhd. dan Avenue Capital Resources Bhd. yang sebelum ini dikatakan menyebabkan nilai saham meningkat kerana Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) mengesahkan proses penggabungan dilakukan mengikut prosedur.

Khairy memberitahu, beliau melakukan pinjaman sebanyak RM9 juta bagi membeli saham-saham berkenaan dan mengakui menanggung kerugian hampir

RM200,000 kerana menjual saham-saham tersebut pada nilai lebih rendah daripada harga belian.

Ditanya adakah beliau telah berunding dengan Pengerusi ECM Libra Avenue Bhd., Datuk Kalimullah Hassan Masheerul Hassan dan beberapa individu lain untuk menjual saham secara serentak, Khairy berkata, keputusan itu adalah secara peribadi.

Selain itu, kata Khairy, beliau tidak meminta sebarang nasihat daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berhubung perkara itu.

Khairy berkata, tindakannya itu diharap akan ‘memutihkannya’ dan berharap masyarakat yang berminat dengan berita-berita seumpama itu akan berusaha mendapatkan gambaran sebenar di masa hadapan sebelum mempercayai sesuatu perkara.

Keputusan

Sementara itu, di KEPALA BATAS, Perdana Menteri berkata, Khairy berhak membuat sebarang keputusan berhubung pemilikan saham ECM Libra Avenue Bhd. yang dijualnya.

Menurut Abdullah, beliau dimaklumkan oleh Khairy berhubung hasratnya melepaskan kepentingan sebanyak 10.2 juta saham yang mewakili 1.23 peratus dalam syarikat pelaburan dan broker saham itu.

Katanya, Khairy memberi alasan tindakan itu kerana tidak mahu ECM Libra Avenue menghadapi masalah dengan kehadirannya sebagai pemegang saham yang kecil.

“Itu hak dia, syer dia punya, bukan saya punya, saya tidak ada apa-apa komen, dia pun hanya beritahu sahaja,” katanya.

Abdullah berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Hari Pengasas Yayasan Budi Penyayang dan Bank Muamalat Malaysia Berhad cawangan Kepala Batas yang terletak di Kompleks Budi Penyayang, di sini hari ini.

Perdana Menteri turut ditanya mengenai keputusan Khairy menjual saham pada harga 65 sen sesaham, lebih rendah daripada 71 sen sesaham ketika membelinya.

“Biarlah dia sudah ambil keputusan itu, dia memahami yang dia akan menghadapi kerugian,” katanya.